

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah geran pemasaran dan promosi digital (GPPD) yang telah diluluskan dan senaraikan platform digital yang dipilih oleh pemohon yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian **bersama** agensi-agensinya di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menyediakan pelbagai inisiatif melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA), yang memberi tumpuan untuk membantu pengiat dan perniagaan industri kreatif yang terkesan akibat pandemik Covid-19.
2. Dalam hubungan ini, **Geran Pemasaran Digital dan Promosi (GPPD)** merupakan salah satu inisiatif PENJANA bagi Industri Kreatif oleh *MyCreative Ventures Sdn Bhd (MyCV)*, yang telah direka khas untuk membantu para penggiat industri kreatif dalam pemasaran barangan/ perkhidmatan/ bakat mereka di atas talian.
3. Antara platform yang digunakan adalah seperti paparan iklan dan pengantara digital yang lain seperti Media Prima Digital, Astro atau mana-

mana platform digital yang boleh diterima pakai oleh MyCV seperti *Facebook, Instagram, Google, Tik Tok, Snapchat, Twitter, YouTube, LinkedIn dan Pinterest.*

4. Sejak GPPD dibuka pada 19 Ogos 2020 sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak 500 pemohon yang berminat dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 91 permohonan GPPD berjumlah RM2,275,000 telah diluluskan oleh MyCV. Pemohon adalah daripada sektor kreatif seperti seni kulinari, seni visual, seni persembahan, muzik, rekaan, pendidikan kreatif, fesyen, sastera, kandungan kreatif dan seni traditional dan kebudayaan.

5. Senarai platform digital pilihan pemohon adalah seperti berikut:

a. Astro

b. Astro Gempak, Hijabista, Mingguan Wanita, Rojak Daily, Hitz, Mix, Xuan, GoXuan, Melody, Astro Ulagam dan Raaga

c. Media Prima Digital

d. OhBulan, Sirap Limau, Harian Metro, Berita Harian, Viral Cham, Rojaklah, Juice, Kini Trendy, Myresipi

e. Platform media sosial : Facebook, Instagram, Youtube, Google Ads